

19 JUN 2003

Umno-Reaksi (Naib)

UMNO HARUS AMAL PESANAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggariskan formula bagi perpaduan untuk anggota parti yang dapat mengukuhkan lagi Umno jika diamatkan.

Katanya Presiden Umno menitipkan formula berkenaan kerana perpaduan dalam Umno yang menjadi tunjang Barisan Nasional amat penting ketika parti terpaksa menghadapi cabaran dari luar dan juga dalaman parti.

"Semua anggota Umno harus mendokong amanat tersebut supaya hasrat Presiden parti untuk melihat Umno kekal sebagai pembela bangsa dapat direalisasikan," kata mengulas ucapan dasar Perdana Menteri dan Presiden Umno pada perhimpunan agung Umno di sini hari ini.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir menekankan kesetiaan kepada parti kerana mahu memastikan Umno terus menang dalam pilihan raya seperti dalam lima pilihan raya semasa parti di bawah teraju beliau.

"Dr Mahathir mahu kita belajar daripada apa yang berlaku kepada negara Islam lain yang dijadikan mangsa kuasa besar. Presiden menegaskan yang negara mungkin hadapi suasana seperti itu sekiranya tidak menjaga kedaulatan negara dari ancaman sebegini," katanya.

Sementara itu Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib berkata hasrat Presiden Umno ialah mahu membawa Umno dari hanya sebuah "bukit kecil" menjadi sebuah "gunung", dan gunung itu hanya dapat dibina dengan mempunyai sebuah parti yang kuat.

Dr Mahathir seringkali menekankan kepada soal betapa pentingnya kesetiaan kepada parti untuk memastikan orang Melayu terus subur dan makmur di bawah Umno, katanya.

Justeru itu, Muhammad berkata kebimbangan Dr Mahathir bahawa Umno akan kalah dan hilang segalanya dalam pilihan raya akan datang jika pemimpin dan anggotanya mengutamakan kepentingan diri serta mengkhianati perjuangan parti perlu diberi perhatian serius.

"Dr Mahathir sedar bahawa umur Umno dah 57 tahun dan mempunyai pelbagai kareh dan macam-macam, sudah tentulah sebuah parti baru, semua ok, tapi kalau parti lama memang timbul banyak pelbagai kerehah.

"Kenyataan Dr Mahathir itu adalah pada masa yang tepat untuk menjaga parti yang lanjut usia ini, dan ini adalah satu tanggungjawab penting kita semua untuk memastikan Umno terus kukuh," katanya.

Sementara itu, anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata segala pesanan Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya yang terakhir sebagai Presiden Umno bukan hanya untuk didengari, sebaliknya ia harus diterjemahkan dalam bentuk tindakan oleh semua anggota parti.

Menteri Luar berkata semua anggota parti perlu mengambil berat dan memandang serius pesanan Dr Mahathir untuk memastikan Umno terus berkuasa.

"Adakalanya kata-kata itu indah didengar tetapi untuk menterjemahkannya (dalam bentuk tindakan) agak sukar," katanya selepas menemui 70 pemerhati asing yang menghadiri persidangan hari ini. Mereka mewakili 26 parti politik daripada 21 negara.

Katanya pemerhati asing itu juga kagum dengan ucapan Dr Mahathir yang mengandungi banyak pesanan untuk kepentingan parti.

Syed Hamid berkata kenyataan Dr Mahathir bahawa Umno adalah parti yang kuat, tidak boleh ditewaskan dan hanya anggotanya sendiri yang boleh menjatuhkan parti itu perlu diberi perhatian mendalam.

Katanya perkara itu boleh dielakkan dengan mengetepikan kepentingan

peribadi dan bekerja dengan ikhlas demi kepentingan parti.

"Saya fikir jika kita ikut segala landasan itu dengan baik, InsyaAllah Umno akan terus mantap dan terus jitu dan kita akan berjaya menjaga perpaduan kita," katanya.

Beliau berkata ucapan dasar itu merupakan yang paling bersejarah dan bermakna dalam hidup Dr Mahathir sebagai presiden parti.

-- BERNAMA

MUN ZS ROS